

Graduan UPM digesa terus menyumbang kepada universiti

Raja Noraina Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my



NAIB Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Roslan Sulaiman beramah mesra dengan graduan pada majlis konvokesyen UPM ke- 45. FOTO Rohanis Shukri

Serandang: Graduan digesa meneruskan hubungan baik dengan alma mater sebagai tanda syukur atas pengorbanan dicurahkan oleh warga universiti yang membantu mencapai kejayaan.

Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah, melalui hubungan itu graduan dapat menyumbang kepada pembangunan dan membantu universiti membina generasi berilmu dan berwawasan.

Baginda yakin graduan yang dihasilkan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) adalah graduan yang unggul dan berkualiti tinggi hasil bimbingan pensyarah berintegriti melalui sistem akademik yang bertambah baik.

"Justeru, adalah tidak munasabah jika ada pihak meragui kualiti graduan UPM hanya semata-mata bersandarkan jumlah graduan yang dihasilkan. UPM sentiasa memastikan semua graduannya berkualiti sebagaimana ditetapkan.

"Peranan universiti, bukan saja untuk menyediakan belia atau graduan yang dapat memenuhi pasaran kerja tetapi melengkapkan graduan dengan kemahiran diperlukan supaya menjadi individu aktif, bertanggungjawab, beradab, beramanah, dan menjunjung tinggi tatacara kehidupan insaniah.

"Graduan seperti ini akan membawa rahmat dan kesejahteraan kepada insan yang lain dan alam persekitaran serta akhirnya menjamin masa depan cemerlang. Kejayaan yang diperolehi bukan saja dari segi akademik tetapi juga dari segi keperibadian diri graduan," titah baginda.

Baginda bertitah demikian pada Istiadat Konvokesyen UPM Ke-45 di Dewan Besar Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj (PKKSSAAS) di sini, hari ini.

Seramai 6,142 graduan berjaya menamatkan pengajian di UPM terdiri daripada 484 graduan Doktor Falsafah (PhD); 1,611 graduan Ijazah Sarjana; 3,564 graduan Ijazah Sarjana Muda dan 483 pemegang Diploma.

Selain itu, baginda menggesa graduan terus berjuang meningkatkan martabat ibu bapa, keluarga dan negara ke peringkat yang lebih tinggi dengan ilmu yang dipelajari.

Titahnya, graduan perlu menyanjung tinggi perlembagaan dan undang-undang negara supaya bebas daripada salah laku yang boleh mencalarakan maruah keluarga, bangsa dan negara sekali gus menjadi warganegara bertanggungjawab serta berintegriti tinggi.

Dalam pada itu, baginda menzahirkan tahniah kepada UPM atas kejayaan menduduki tangga 143 dalam penarafan QS World University Ranking 2022, berbanding tangga 376 pada 2015.

"Beta difahamkan pengurusan universiti ini sentiasa melaksanakan pembaharuan dan penambahbaikan berterusan untuk mengangkat UPM sebagai sebuah menara ilmu melalui peningkatan kualiti pengajaran, penyelidikan serta perkhidmatan profesional terhadap masyarakat.

"Meskipun impak Covid-19 sangat besar terhadap institusi pengajian tinggi (IPT) termasuk UPM, universiti berusaha mengekang penularan pandemik sebaik mungkin. Pelbagai inisiatif dilaksanakan dalam aspek pengurusan risiko, komunikasi krisis, pengajaran dan pembelajaran secara digital, inovasi, kebajikan pelajar dan khidmat nasihat awam.

"Dalam situasi kita masih berhadapan dengan impak penularan pandemik, isu kesejahteraan ialah isu kritikal yang perlu ditangani bersama. Beta difahamkan dalam hal ini, universiti menjalankan kajian Indeks Kesejahteraan UPM dan mendapati tahap kesejahteraan warga UPM adalah baik," titahnya.

Sultan Sharafuddin berharap UPM terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan dan mengikuti program vaksinasi serta mengambil dos penggalak untuk kesejahteraan warga UPM.

Disiarkan pada: Mac 19, 2022 @ 2:23pm